



SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA

GP12 : GARIS PANDUAN PENUBUHAN KOPERASI

BAHAGIAN A : PENGENALAN

TUJUAN

Garis Panduan ini dikeluarkan di bawah subseksyen 86B Akta Koperasi 1993 (Akta) bertujuan untuk –

- (a) membantu Jawatankuasa Penaja (Jawatankuasa) dalam persediaan untuk menubuhkan sesebuah koperasi; dan
- (b) memudahkan pihak Suruhanjaya Koperasi Malaysia (Suruhanjaya) dalam menimbang serta meluluskan sesuatu permohonan penubuhan koperasi sehinggalah didaftarkan agar selaras dengan kehendak Akta dan Peraturan-peraturan Koperasi.

Dengan berkuatkuasanya garis panduan ini, Garis Panduan Penubuhan Koperasi yang dikeluarkan melalui Pekeliling Ketua Pengarah Bil.2 Tahun 1996 bertarikh 24 Julai 1996 dengan ini dibatalkan.

LATAR BELAKANG

2. Akta Koperasi (Pindaan) 2007 telah memberi lebih banyak peluang bagi orang awam untuk menubuhkan koperasi dengan keanggotaan sekurang-kurangnya lima puluh orang.
3. Walau bagaimanapun, dalam keadaan tertentu penubuhan koperasi dengan keanggotaan kurang daripada lima puluh orang boleh dibenarkan oleh Suruhanjaya sepertimana yang diperuntukkan di bawah subsekyen 8(1) Akta. Contohnya koperasi keluarga, pengusaha atau koperasi di kalangan golongan pekerja mahir atau profesional.
4. Dengan ini, satu tatacara perlu diwujudkan bagi memudahkan urusan menubuhkan koperasi bagi orang awam dan meningkatkan kecekapan Suruhanjaya dalam memproses dan meluluskan permohonan penubuhan sesuatu koperasi. Hasrat ini juga selari dengan perkembangan gerakan koperasi masa kini yang diiktiraf sebagai sektor ketiga penyumbang kepada pembangunan ekonomi negara.

BAHAGIAN B : PERMOHONAN PENUBUHAN

5. Urusan penubuhan sesebuah koperasi bermula apabila ada pihak yang berminat untuk menubuhkan koperasi. Oleh itu, satu Jawatankuasa yang terdiri daripada sekurang-kurangnya tiga orang bakal anggota hendaklah dibentuk. Jawatankuasa ini berperanan untuk menghubungi Suruhanjaya Daerah/Bahagian/Wilayah/Negeri dalam mendapatkan nasihat dan bimbingan dalam urusan penubuhan sesebuah koperasi.

6. Untuk memudahkan urusan penubuhan koperasi, Jawatankuasa boleh mendapatkan Kit Pendaftaran Koperasi daripada Suruhanjaya Negeri sebagai rujukan bagi sesuatu permohonan. Kit Pendaftaran mengandungi:

- (a) Surat Permohonan Penubuhan Koperasi – SKM-KPK01;
- (b) Contoh Minit Mesyuarat Agung Permulaan – SKM KPK02;
- (c) Borang Permohonan Pendaftaran Koperasi – Jadual 1;
- (d) Brosur Hak Dan Tanggungjawab Anggota Lembaga Koperasi (ALK);
- (e) Brosur Hak Dan Tanggungjawab Anggota; dan
- (f) Model Undang-undang Kecil Seragam.

7. Semua borang permohonan hendaklah dikemukakan kepada Suruhanjaya Daerah/Bahagian/Wilayah/Negeri yang terdekat. Surat Permohonan Penubuhan Koperasi hendaklah –

- (a) bagi koperasi asas, ditandatangani oleh sekurang-kurangnya tiga orang penaja yang lengkap dengan alamat, nombor telefon dan alamat e-mail, jika ada;
- (b) bagi koperasi menengah, ditandatangani oleh seorang wakil daripada sekurang-kurangnya dua koperasi asas yang juga lengkap dengan alamat, nombor telefon, alamat e-mail dan surat kelulusan mesyuarat agung koperasi untuk menjadi anggota sesuatu koperasi menengah; atau

(c) bagi koperasi atasan, ditandatangani oleh sekurang-kurangnya seorang wakil daripada –

(i) sekurang-kurangnya dua koperasi menengah; atau

(ii) sekurang-kurangnya satu koperasi asas dan satu koperasi menengah

yang lengkap dengan alamat, nombor telefon, alamat e-mail dan surat kelulusan mesyuarat agung koperasi untuk menjadi anggota sesuatu koperasi atasan.

8. Setiap permohonan perlu mengemukakan dua cadangan nama koperasi berdasarkan kepada:

(a) nama koperasi yang dicadangkan tidak sama dengan nama koperasi lain yang telah berdaftar;

(b) perkataan “**Koperasi**” hendaklah menjadi sebahagian daripada nama koperasi dan perkataan “**Berhad**” menjadi perkataan yang terakhir dalam nama sesuatu koperasi; dan

(c) sebarang nama singkatan tidak dibenarkan.

9. Sebagai satu pertubuhan yang matlamatnya untuk meningkatkan kepentingan ekonomi anggota-anggota, koperasi hendaklah boleh membantu diri sendiri dengan menggembelng sumber dalaman yang ada untuk melaksanakan sesuatu aktiviti (perniagaan).

10. Nama koperasi hendaklah menggambarkan identiti koperasi yang tersendiri. Identiti koperasi boleh ditentukan berasaskan antara lain kepada perkara-perkara berikut :

- (a) fungsi yang akan dijalankan iaitu perbankan, kredit, pertanian, perumahan, perindustrian, pengguna, pembinaan, pengangkutan dan perkhidmatan;
- (b) kawasan atau daerah atau negeri di mana letaknya koperasi itu;
- (c) pekerjaan anggotanya seperti tentera, polis, guru, kakitangan kerajaan, kakitangan bank dan swasta, dan lain-lain;
- (d) pekerja sesuatu organisasi, seperti jabatan;
- (e) penuntut sesuatu institusi; atau
- (f) komuniti seperti kawasan perumahan, kariah masjid, Orang Kelainan Upaya (OKU), keluarga, persatuan dan lain-lain.

11. Suruhanjaya akan memberi kelulusan dalam tempoh empat belas hari daripada tarikh terimaan permohonan atau tempoh yang lebih awal jika maklumat permohonan lengkap. Suruhanjaya akan memaklumkan kepada pemohon jika maklumat tambahan diperlukan dalam mempertimbangkan kelulusan penubuhan.

Tindakan Sebelum Mesyuarat Agung Permulaan

12. Koperasi hendaklah merujuk kepada undang-undang kecil seragam yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya dan mendapatkan nasihat dan pandangan pegawai Suruhanjaya dalam menggubal undang-undang kecil, khasnya mengenai perkara-perkara berikut:

- (a) aktiviti-aktiviti koperasi yang dirancang hendak dilaksanakan. Koperasi perlu menjalankan aktiviti utama terlebih dahulu iaitu aktiviti yang mempunyai keperluan/kepentingan bersama anggota. Contohnya koperasi memilih fungsi pengguna, maka aktiviti yang akan dijalankan adalah aktiviti yang menjurus kepada fungsi pengguna seperti berikut:
 - (i) pasaraya;
 - (ii) pasar Mini;
 - (iii) restoran;
 - (iv) kedai buku;
 - (v) kantin dan lain-lain.
- (b) menentukan bakal-bakal anggota/kumpulan sasar anggota koperasi dengan lebih khusus dengan menetapkan syarat-syarat kelayakan yang sesuai untuk menjadi anggota;
- (c) menentukan syer bagi perolehan hak, kewajipan dan liabiliti anggota yang mampu dimiliki oleh anggota;

- (d) menentukan komposisi ALK tidak kurang daripada enam dan tidak lebih daripada lima belas orang mengikut kesesuaian;
- (e) tidak ada sekatan kepada mana-mana anggota untuk memegang apa-apa jawatan dalam koperasi melalui penentuan pemilikan syer;
- (f) penetapan jumlah syer minima bagi setiap anggota hendaklah berdasarkan kepada berapa banyak modal permulaan yang diperlukan untuk membiayai aktiviti pertama koperasi yang mesti disumbang oleh anggota-anggota;
 - (i) contohnya, bagi koperasi asas, modal permulaan yang diperlukan ialah RM10,000.00 dan bilangan anggota ialah satu ratus orang, maka jumlah minimum syer individu ialah RM100.00. Apabila aktiviti utama telah dilaksanakan, koperasi bolehlah merancang untuk menjalankan aktiviti-aktiviti lain yang dibolehkan di bawah undang-undang kecil koperasi berkenaan; dan
 - (ii) bagi co-opbank modal permulaan tidak kurang daripada RM300 juta.
- (g) kawasan operasi sesuatu koperasi asas merupakan kawasan di mana anggota-anggota koperasi itu tinggal atau bekerja atau memiliki tanah. Peringkat permulaan penubuhan koperasi lazimnya kawasan operasi koperasinya terhad kepada suatu kawasan atau daerah atau wilayah atau bahagian atau negeri. Walau bagaimanapun, Suruhanjaya boleh membenarkan kawasan operasi yang lebih luas mengikut keperluan;
- (h) koperasi hendaklah menentukan pejabat berdaftar atau premis koperasi sebagai pusat perhubungan yang mudah bagi anggota atau pegawai

Suruhanjaya atau pihak-pihak lain untuk berurusan dengan koperasi di mana semua dokumen koperasi disimpan;

13. Sebelum mesyuarat agung permulaan diadakan, Jawatankuasa hendaklah mengatur sekurang-kurangnya satu majlis penerangan atau ceramah kepada bakal-bakal anggota mengenai:

- (a) tujuan penubuhan koperasi;
- (b) prinsip-prinsip koperasi;
- (c) hak dan tanggungjawab anggota; dan
- (d) hak dan tanggungjawab ALK.

14. Sekiranya masih terdapat sebarang masalah atau keraguan mengenai undang-undang kecil koperasi, rujukan hendaklah dibuat kepada pihak Suruhanjaya.

15. Semua permohonan penubuhan koperasi akan diproses di peringkat Suruhanjaya Negeri. Kelulusan adalah berdasarkan syarat-syarat berikut:

(a) **Syarat-Syarat Am**

- (i) koperasi digalakkan menggunakan undang-undang kecil seragam yang disediakan oleh Suruhanjaya; dan
- (ii) bagi koperasi yang menjalankan aktiviti kredit, yuran minimum RM30.00 sebulan hendaklah diperuntukkan dalam undang-undang kecil.

(b) **Syarat-Syarat Khas**

Suruhanjaya berhak untuk menentukan atau meminda perkara-perkara berikut, jika bertentangan atau bercanggah dengan perundangan koperasi:

- (i) sebutan (*citation*) dan tafsiran;
- (ii) nama koperasi;
- (iii) kawasan operasi koperasi;
- (iv) sasaran anggota koperasi;
- (v) aktiviti koperasi;
- (vi) bilangan ALK;
- (vii) bilangan Jawatankuasa Audit Dalaman koperasi;
- (viii) tahun kewangan koperasi bermula dan berakhir; dan
- (ix) modal syer dan yuran.

16. **Tarikh sah tempoh kelulusan penubuhan adalah tiga bulan dari tarikh surat kelulusan.** Sekiranya Jawatankuasa gagal mengadakan mesyuarat agung permulaan dalam tempoh tersebut, maka kelulusan permohonan itu terbatal dengan sendirinya kecuali Suruhanjaya membenarkan lanjutan tempoh kelulusan penubuhan.

17. Setelah semua tindakan di para 12 sehingga 15 diambil, Jawatankuasa hendaklah menetapkan tarikh mesyuarat agung permulaan dan menghantar notis mesyuarat dalam tempoh yang munasabah kepada bakal-bakal anggota.

Tindakan Semasa Mesyuarat Agung Permulaan

18. Jawatankuasa hendaklah menjalankan mesyuarat agung permulaan mengikut agenda berikut:

- (a) bersetuju tentang pengemukakan permohonan koperasi untuk didaftarkan;
- (b) menerima pakai undang-undang kecil yang dicadangkan;
- (c) memilih ALK;
- (d) menimbang dan meluluskan belanjawan tahunan;
- (e) meluluskan elaun dan saraan yang akan diberikan kepada ALK;
- (f) meluluskan pelantikan satu panel yang terdiri daripada tidak kurang daripada dua orang juruaudit yang diluluskan oleh Suruhanjaya atau seorang pegawai Suruhanjaya untuk mengaudit akaun koperasi;
- (g) menimbang dan meluluskan ruang lingkup dan had pelaburan yang dibiayai oleh wang lebihan koperasi;
- (h) menentukan had maksimum keterhutangan koperasi; dan
- (i) menjalankan apa-apa perkara lain sebagaimana yang dikehendaki oleh undang-undang kecilnya atau Suruhanjaya.

19. Mengisi Borang Permohonan Pendaftaran Koperasi sepertimana kehendak subperaturan 3(1) Peraturan-peraturan Koperasi 1995 (Jadual 1) dengan lengkap dan ditandatangani oleh sekurang-kurangnya sepuluh orang ALK/bakal anggota.

20. Semua pemohon yang menandatangani Jadual 1 hendaklah juga menandatangani tiga naskah undang-undang kecil yang telah dibentangkan di mesyuarat agung permulaan tersebut.

21. Pastikan nama, nombor kad pengenalan dan tandatangan di senarai kehadiran, Jadual 1 dan ketiga-tiga naskah undang-undang kecil adalah sama.

22. Minit mesyuarat agung permulaan hendaklah ditandatangani oleh:

(a) sekurang-kurangnya dua puluh lima orang bakal anggota yang hadir bagi koperasi asas sepertimana kehendak perenggan 6(2)(b) Akta;

(b) semua yang hadir bagi koperasi tertentu yang didaftarkan di bawah subseksyen 8(2) Akta; atau

(c) semua yang hadir yang diberi kuasa sewajarnya bagi koperasi menengah atau koperasi atasan.

23. Jawatankuasa juga hendaklah mengemukakan:

(a) satu senarai lima puluh orang yang bersetuju untuk menjadi anggota koperasi berkenaan bagi memenuhi kehendak perenggan 5(1)(a) Akta;

(b) satu senarai semua yang hadir yang bersetuju untuk menjadi anggota koperasi mengikut subseksyen 8(1) Akta; atau

- (c) satu senarai semua yang hadir yang diberi kuasa sewajarnya bagi koperasi menengah atau koperasi atasan.

Tindakan Selepas Mesyuarat Agung Permulaan

24. Mengemukakan dokumen-dokumen pendaftaran kepada Suruhanjaya Daerah/Bahagian/Wilayah **tidak lewat daripada satu bulan** selepas mesyuarat agung permulaan. Dokumen-dokumen yang perlu dihantar seperti berikut:

- (a) Borang Permohonan Pendaftaran (Jadual 1) – **tiga salinan**
- (b) Undang-undang Kecil yang telah diluluskan dan diterima oleh Mesyuarat Agung Permulaan – **tiga salinan**
- (c) Minit Mesyuarat Agung Permulaan – **dua salinan**; dan
- (d) Senarai bakal anggota seperti di para 23.

25. Koperasi akan didaftarkan dalam tempoh dua puluh lapan hari bekerja daripada tarikh terimaan dokumen yang lengkap dan sempurna di peringkat Suruhanjaya Daerah/Bahagian/Wilayah.

26. Koperasi yang telah didaftarkan akan menerima dokumen-dokumen berikut:

- (a) satu Sijil Perakuan Pendaftaran Koperasi yang telah didaftarkan itu;
- (b) satu naskah Undang-undang Kecil Koperasi yang telah didaftarkan itu; dan
- (c) akuan terima.

27. Apabila koperasi menerima Sijil Perakuan Pendaftaran Koperasi, maka adalah menjadi tanggungjawab koperasi untuk memulangkan akuan terima tersebut kepada Suruhanjaya.

28. Tindakan pembatalan boleh diambil ke atas koperasi sekiranya melebihi tiga tahun dari tarikh didaftarkan koperasi **tidak** –

- (a) menjalankan sebarang aktiviti;
- (b) mengaudit akaun; dan
- (c) mengadakan mesyuarat agung tahunan.

BAHAGIAN C : LARANGAN-LARANGAN SEBELUM KOPERASI DIDAFTARKAN

29. Penaja adalah dilarang daripada melakukan perkara-perkara berikut selagi koperasi belum didaftarkan:

- (a) membuat sebarang kutipan wang; dan
- (b) menggunakan nama atau logo koperasi.

PEMBATALAN, PEMAKAIAN DAN TARIKH KUAT KUASA

30. Garis Panduan Penubuhan Koperasi yang dikeluarkan melalui Pekeliling Ketua Pengarah Bil.2 Tahun 1996 bertarikh 24 Julai 1996 adalah dengan ini dibatalkan.

31. Semua koperasi dikehendaki mematuhi peruntukan di bawah Akta, Peraturan-Peraturan, perintah dan garis panduan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya dari semasa ke semasa.

32. Garis panduan ini dikuatkuasakan pemakaiannya mulai tarikh ia dikeluarkan.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“1 MALAYSIA, RAKYAT DIDAHULUKAN, PENCAPAIAN DIUTAMAKAN”



(DATO' MANGSOR BIN SAAD)

Pengerusi Eksekutif

Suruhanjaya Koperasi Malaysia

Tarikh : **24 NOVEMBER 2010**

“Peneraju Kecemerlangan Koperasi”